

Projek atasi bah

Kerajaan timbang cadangan bina benteng di sepanjang Sungai Golok

>>Oleh Siti Fatimah Hassan

sfhassan@hmetro.com.my

RANTAU PANJANG: Kerajaan akan menim-bangkan cadangan membina benteng di sepanjang Sungai Golok jika Barisan Nasional (BN) berjaya memerintah negeri ini, namun pembinaan itu memerlukan kos tinggi.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan mempunyai perancangan mengatasi masalah banjir terutama di kawasan berhampiran sungai berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, cadangan itu masih belum diputuskan kerana kajian teliti perlu dilakukan.

"Itu kita kena kaji, memang ada perancangan, tetapi belum lagi diputuskan kerajaan. Mungkin kalau BN menang esok (nanti), kita akan ambil kira.

"Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) ada cadangan itu, namun belum sampai ke Kerajaan Pusat dan ia hanya di peringkat jabatan saja. Apa yang penting dalam situasi ini, kita sudah tangani banjir, kalau soal pembangunan, soal pelurusan sungai, mendalamkan sungai (sudah dilakukan) untuk mengurangkan banjir," katanya pada sidang media selepas melawat mangsa banjir yang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan (SK) Gual Tinggi, di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri merangkap Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Datuk Seri



PRIHATIN...Muhyiddin bersama mangsa banjir ketika melawat pusat pemindahan di Sekolah Menengah Bukit Mentok. Gambar kecil, Muhyiddin sempat mendukung bayi mangsa banjir sambil disaksikan Noorainee di SK Gual Tinggi, semalam.

Mustapa Mohamed.

Sempena lawatan itu, Muhyiddin turut mengumumkan bantuan wang ihsan kepada mangsa banjir berjumlah RM500 yang akan disalurkan tidak lama lagi.

Beliau yang ditemani isteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman turut menyampaikan sumbangan makanan kepada mangsa banjir di pusat

pemindahan berkenaan.

Muhyiddin berkata, bantuan RM500 itu akan disalurkan kepada keluarga yang berpindah dan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Katanya, sumbangan itu bukannya ganti rugi, tetapi lebih kepada usaha meringankan beban mangsa yang terjejas.

"Bagi kerosakan hasil pertanian termasuk ternakan, mereka perlu hubungi Jabatan Pertanian untuk dibanci kerugian," katanya.

HM e-Paper



Untuk lebih gambar sila layari
subscription.nstp.com.my